

# Untung nasib Universiti Malaya 10 tahun lagi

Rencana ini disadur dari ucapan Professor Ungku Aziz pada hari pengisytiharan (Raja Permaisuri Agung sebagai) Canselor Universiti Malaya pada 22hb. September lalu. Ucapan itu disesuaikan untuk siaran Mastika.

**A**DA empat perkara pokok yang mungkin akan menentukan untung nasib universiti ini dalam masa lima atau sepuluh tahun ke hadapan.

Pada hemat saya, adalah lebih bijak dan wajar jika yang berkuasa di universiti ini menumpukan perhatian mereka kepada empat perkara itu, yang semuanya berhubung dengan konsep penyusunan-semula atau "restructuring".

Perkara-perkara ini ialah:

1. Penambahan tingkatan kajian dan pendalaman isi pendidikan, atau dengan perkataan lain penyempurnaan Pengajian Ijazah Tinggi yakni Post-Graduate Studies;

2. Pencapaian masyarakat adil;

3. Penyelarasan pentadbiran sesuai dengan matlamat-matlamat penyusunan-semula itu;

4. Penentuan aliran baru dari polarisasi kepada depolarisasi di dalam masyarakat kampus.

Pada masa akan datang, universiti ini harus mengutamakan perkembangan akademiknya kepada Pengajian Ijazah Tinggi atau Post-Graduate Studies. Dengan ringkas, saya boleh memberikan istilah "Pelajaran Peringkat ke IV" kepada kajian dan pendidikan yang membawa kepada Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah.

Negara ini memerlukan ramai bilangan pakar yang berkelulusan peringkat ke IV itu. Pada masa ini mungkin lebih ramai anak Malaysia yang



Ungku Aziz dalam upacara membaca doa selamat perlantikan Canselor Universiti Malaya.

mengikuti kursus tinggi di universiti-universiti di negeri-negeri seberang laut dibandingkan dengan di universiti di negeri ini sendiri.

Penambahan universiti dan perkembangan penyelidikan sains sudah melipatgandakan permintaan untuk orang-orang yang berijazah doktor atau sarjana itu. Oleh yang demikian,

dari segi ekonomi kos pun perlu diadakan badan yang boleh mendidik pakar-pakar itu di negeri ini. Tambahan pula pendidikan serta kajian sains yang diadakan di dalam negeri ini tentu akan memberi latihan serta pengalaman yang lebih sesuai atau relevant dari apa yang boleh didapati di universiti seberang laut.

Saya akan menyusun semula struktur akademik dan struktur mahasiswa supaya matlamat peringkat ke IV itu tercapai dalam masa yang sesingkat mungkin. Saya berpendapat bahawa beberapa norma kewangan dan nisbah guru-siswazah terpaksalah diubah supaya keadaan akademik dan pentadbiran serta kewangan, lebih ditujukan kepada pendidikan peringkat ke IV itu dari peringkat ke III yang ada sekarang.

Maka berkenaan dengan perkara kedua dalam penyusunan-semula ini, mengikut Rukunegara, rakyat Malaysia bercita-cita mencipta satu masyarakat yang adil di mana semua anggotanya mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara.

Universiti adalah satu dari kekayaan negara. Pendidikan yang diberi di universiti dan ijazahnya yang membuka pintu kepada pekerjaan yang berjaya beratus-ratus ringgit sebulan juga menjadi satu cara langsung yang memberi peluang kepada rakyat muda untuk menikmati kekayaan negara.

Oleh yang demikian sebagaimana peluang yang sama harus diberi kepada pemuda pemudi untuk menikmati kekayaan melalui ijazahnya, maka haruslah juga peluang yang sama diberi untuk mereka masuk ke universiti.

Dari zaman penjajahan, di-

mana sistem pendidikannya mengenepikan golongan desa, khususnya rakyat Melayu, hingga beberapa tahun yang lampau, memanglah anak kaum tani sukar menikmati pelajaran tinggi. Keadaan terbiar itu baharu dalam dua tiga tahun inilah dapat dibetulkan sedikit demi sedikit dengan cara berkesan.

Pembetulan atau penyusunan-semula itu memerlukan di antara lain: dasar baru tentang kemasukan di beberapa fakulti dan rancangan bimbingan khas bagi pelajar-pelajar yang kurang pengetahuannya, serta dasar baru tentang penempatan di asrama dan pelaksanaan dasar bahasa.

Dengan kerjasama guru, mahasiswa serta Kementerian Pelajaran mengikut kadar masing-masing itu, dapatlah berbagai usaha penyusunan semula dilaksanakan dengan tujuan mencapai masyarakat adil itu.

Apabila universiti menerima mahasiswa baru dari golongan yang tertinggal itu, yang tidak dididik sebegitu baik jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar dari dua tiga puluh sekolah menengah di tiga kota besar Malaysia (iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh), maka mahasiswa golongan ini semua perlu diberi bimbingan khas supaya mereka boleh mengikuti kursus fakulti yang ber-

kenaan.

Selepas setahun dua, mereka pun boleh belajar bersaing dengan mahasiswa lain. Dasar ini mungkin terpaksa diperluaskan dan dirapikan pada masa hadapan. Hakikatnya ialah bilangan pelajar yang akan memerlukan bimbingan khas mungkin akan bertambah dan tidak berkurang di dalam masa sepuluh tahun akan datang.

Maka perkara ke III yang harus dikenakan penyusunan-semula ialah pentadbiran universiti ini sendiri. Secara umum, ini boleh dilihat dari dua segi.

Segi yang pertama bolehlah diumpamakan sebagai suatu keluarga berempat, terdiri dari suami isteri dan dua orang anak yang lompat menjadi keluarga dua puluh orang, termasuk datuk-nenek, cucu-cicit dan suku sakat yang terpaksa tinggal bersama-sama dengan keluarga yang asalnya berempat itu.

Nyatalah kemudahan-kemudahan seperti dapur bilik-air, pinggan manguk semuanya harus ditambah jika lau keluarga itu tidak hendak mengalami beberapa kesukaran yang akan membawa kepada ketegangan dan soal polarisasi di antara tua-muda, lelaki-perempuan, saudara jauh dan saudara dekat dan sebagainya.

Universiti Malaya sudah me-lompat dari 3,000 siswa hingga menjadi 8,000 siswa di da-

lam masa lima tahun. Sekarang jumlah pelajar tetap di kampus ini adalah lebih dari 9,500 jiwa.

Oleh yang demikian, sistem kemasukan dan pentadbiran rekod umpamanya sudah diubah dari sistem kira-tangan kepada sistem komputer. Begitu juga masalah lalu-lintas dan medan kereta. Kenderaan yang hanya berjumlah 50-60 buah pada masa dahulu, sekarang sudah bertambah menjadi lebih daripada 3,600 buah motosikal dan lebih dari 1,000 buah kereta.

Bukan sahaja harta benda, tanah, jalanraya, parit dan bangunan universiti yang mesti diperbanyakkan. Akan tetapi pihak-pihak berkuasa yang kurang sedar akan keadaan nasional yang baru ini pun mesti direstruktur sikap mereka, supaya Naib Canselor serta pegawai-pegawai universiti tidaklah terlalu disfrustrasikan dan dirugikan waktunya mereka mengemukakan syor tentang kemudahan-kemudahan yang perlu ditambah.

Segi kedua dari perkara ke III ini ialah membanyakkan perkhidmatan atau kemudahan untuk mahasiswa. Umpamanya, sehingga beberapa tahun yang lalu, universiti ini tidak mempunyai pegawai khas untuk kegiatan kebumya-an atau untuk sukan atau untuk menasihat mahasiswa dalam masalah peribadi mereka, atau juga pegawai pe-

minjam wang.

Saya rasa sesiapa pun boleh faham akan pentingnya pinjaman dan biasiswa untuk menuju ke arah pencapaian masyarakat adil itu. Akan tetapi banyak orang kurang faham tentang pentingnya kegiatan sukan dan kebudayaan untuk memberi peluang supaya semua kaum boleh bercampurgaul dan mengamalkan apa yang boleh dinamakan depolarisasi. Saya rasa kurang bijak jika kemudahan-kemudahan sukan atau kebudayaan seperti itu dianggap sebagai "Gajah Putih" atau barang mebazir.

Perkara yang ke IV yang memerlukan penyusunan-semula ialah berhubung dengan penentuan aliran baru supaya aliran ke arah polarisasi ditimbal balik kepada depolarisasi di dalam masyarakat kampus.

Aliran polarisasi itu bermakna pembahagian berpuak-puak, selalunya di antara satu kaum dengan kaum yang lain. Dasar depolarisasi akan memecahkan batas puak itu dan menggalakkan perasaan saling menghormati, saling menikmati dan bercampurgaul di antara kaum yang ujud itu.

Sesuatu hakikat yang terpaksa diterima oleh masyarakat Malaysia, kerajaan dan kuasa-kuasa universiti ialah bahawa kampus yang dinamis dan kampus yang tidak terletak di atas menara gading

pasti akan mencerminkan keadaan masyarakat di sekelilingnya.

Sungupun siswazah dan guru mungkin mempengaruhi masyarakat itu dengan fikiran-fikirannya dan kegiatannya, sebaliknya masyarakat itu lebih-lebih lagi mempengaruhi keadaan kampus itu.

Oleh yang demikian, jikalau ada ketegangan atau ada toleransi di luar kampus, keadaan ini juga akan ternyata di dalam kampus. Hanya yang menjadi masalah ialah adakah keadaan di luar itu dilihat dari kampus dengan Kanta Pembesar atau "Magnifying Glass" supaya ia dibesar-besarkan, atau ia diperkecilkan dengan menggunakan teropong terbalik.

Untuk memberi peluang yang cukup luas kepada para siswa dan guru, mereka digalakkan mengkaji dan membincangkan masalah masyarakat dan negara kita.

Dengan itu diadakan banyak forum, dialog serta perdebatan besar di kalangan universiti ini. Dan biasanya, perbincangan yang bebas itu dijalankan dengan teratur dan kesopanan yang bersifat akademis.

Pada masa hadapan, simposium dan kolokium yang biasa untuk mahasiswa dan guru akan diaturkan supaya semua universiti negeri ini boleh bergiat di dalam gelanggang taja akal itu.